

E K (B)

MAHATHIR MAHU **JURANG EKONOMI** NEGARA-NEGARA **MEMBANGUN**  
DIPERBETULKAN

KUALA LUHPUR , 5 NOV (BE BERNAMA) -- **PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI** MENARIK PERHATIAN TERHADAP JURANG YANG MASIH LUAS WUJUD DALAM KEADAAN **EKONOMI**DI KALANGAN NEGARA-NEGARA **MEMBANGUN YANG MENGANGGOTAI RANCANGAN COLOMBO DAN MAHU USAHA DIGIATKAN** BAGI MEMBETULKAN PERBEZAAN ITU.

SELAIN **ITU**, BELIAU MENARIK PERHATIAN TERHADAP JURANG BESAR YANG WUJUD DI **ANTARA** NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG MEMBANGUN DENGAN NEGARA-NEGARA YANG **AMAT** MISKIN.

**PERDANA MENTERI PERCAYA SELAGI** WUJUD JURANG LUAS DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI **DI** KALANGAN **NEGARA-NEGARA, TUGAS** RANCANGAN COLOMBO BELUH SELESAI.

**+MANAKALA** SETIAP NEGARA ANGGOTA MENETAPKAN KEUTAMAAN **MASING-MASING** DALAM HENCAPAI PEMBANGUNAN EKONOMI DAN **SOSIAL**, SEMUA **NEGARA ANGGOTA, SAYA** PERCAYA, MENYEDARI KEPERLUAN BEKERJASAMA **RAPAT** DAN PERKONGSIAN TANGGUNGJAWAB SECARA JUJUR DALAM USAHA HENDAK MEWUJUDKAN SUSUNAN EKONOMI DAN SOSIAL YANG LEBIH **ADIL, +** TAMBAHNYA SEHASA MERASMIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDING RANCANGAN **COLOMBO KALI KE-30 DI SINI**.

SEPULUH NEGARA BUKAN ANGGOTA DAN **18 BADAN ANTARABANGSA** MENGHANTAR **PARA** PEHERHATI KE MESYUARAT ITU YANG DIDAHULUI OLEH **PERBINCANGAN** PERINGKAT PEGAWAI **SELAMA DUA HARI** YANG BERAKHIR PADA HARI SABTU.

BELIAU MENYERU NEGARA-NEGARA MAJU SEGERA MENGHAPUSKAN **KEBIMBANGAN**, DAN DISKRIMINASI EKORAN DARIPADA **ITU**, TERHADAP **NEGARA-NEGARA** MEMBANGUN.

**MENURUT BELIAU**, LANGKAH-LANGKAH' YANG DIAMBIL OLEH NEGARA MAJU AKAN MENGHALANGI KEMAJUAN LEBIH AWAL **DI** KALANGAN NEGARA MEMBANGUN DAN MELATAKKAN HERKA DALAM KEADAAN MISKIN YANG BERKEKALAN.

**PERDANA MENTERI** MENARIK PERHATIAN BAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TELAH MELALUI PUSINGAN PERTUMBUHAN DAN MASA **INI** MEHPUNYAI PENGETAHUAN MEMPROSES SEPARUH DARIPADA BAHAN MENTAH **MASING-MASING** DAN MEREKA DAPAT HENGEKSPORTNYA DENGAN **NILAI** YANG LEBIH **TINGGI**.

DALAH MADA **MENYINDIR**, BELIAU BERKATA: **+MALANGNYA PARA** PEMBELA **PERDAGANGAN** BEBAS DI KALANGAN NEGARA MAJU HENYATAKAN PERDAGANGAN BEBAS SEBENARNYA TIDAK BEGITU BAIK.

**+BUKAN ITU SAJA**, SESETENGAHNYA PULA TELAH BERGABUNG DALAM PERSATUAN-PERSATUAN EKONOMI YANG **SEMATA-MATA** BERTUJUAN MENYEKAT KEMASUKAN BARANG-BARANG **DARI** NEGARA-NEGARA MEMBANGUN. DAN SELAMA **INI**, PERDAGANGAN **BARANGAN** UTAMA MASIH DIKAWAL OLEH MEREKA MENERUSI KELAB-KELAB PEHASARAN YANG EKSKLUSIF.

DR. MAHATHIR **MENINGGATKAN** MEREKA SETAKAT **MENGHASILKAN** BARANGAN **UTAMA** TIDAK SEKALI-KALI AKAN MENGUBAH CORAK **NEGARA MEMBANGUN** MENJADI NEGARA MAJU.

KEMAJUAN KE'ARAH INI HANYA TERCAPAI JLKA NEGARA-NEGARA INI MEMASUKI BIDANG PEMEROSAN DAN PERKILANGAN, UJARNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK SEKALI-KALI DAPAT MENGGUGAT PERANAN NEGARA-NEGARA MAJU SEBAGAI PENGELUAR UTAMA BARANG-BARANG KILANG.

NEGARA-NEGARA MEMBANGUN HENDAKLAH MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP KEGIATAN YANG KURANG SOFISTIKATED, TERUTAMA INDUSTRI YANG MENGGUNAKAN BANYAK TENAGA BURUH DAN YANG DEMIKIAN MENYOKONG KEPERLUAN INDUSTRI-INDUSTRI NEGARA MAJU.

TETAPI PERDANA MENTERI YAKIN WUJUD PELUANG NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENJADI LEBIH KAYA DAN TENTU AKAN MENJADI PELANGGAN YANG LEBIH BAIK BAGI NEGARA-NEGARA MAJU.

+OLEH ITU, NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK SAJA HARUS MENERIMA PUTARAN PERTUMBUHAN YANG SEDANG BERLAKU DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TETAPI HENDAKLAH PULA MEMBANTU PROSES ITU.+

DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERLUNYA INTEGRASI KE DEPAN DAN KE BELAKANG DALAM STRATEGI PEMBANGUNAN MEMANDANGKAN BANYAK NEGARA ANGGOTA MEMBANGUN MEMPUNYAI SUMBER ASLI YANG MELEMPAH.

TETAPI USAHA MEREKA BOLEH DIGAGALKAN OLEH NEGARA-NEGA'RA MAJU MENERUSI PENGENAAN TARIF YANG LEBIH TINGGI KE ATAS BAHAN MENTAH YANG DIPROSES SEPERTI MINYAK SAWIT, DAN MENERUSI KAWALAN KADAR TAMBANG UDARA, PERKAPALAN DAN INSURAN ATAU MENERUSI QOTA.

+SEKALIPUN ADA AMALAN DAGANGAN YANG TIDAK ADIL INI, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MESTILAH BERTAHAN DAN MENGURANGKAN KOS SEBANYAK MUNGKIN UNTUK BERSAING DENGAN BARANG KELUARAN YANG DIPROSES OLEH NEGARA-NEGARA MAJU. - BE BERNAMA.